



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 781

AKTA REDEMPTORIST FATHERS **(PEMERBADANAN) 1962**

(Disemak—2016)

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Redemptorist Fathers (Incorporation) Act 1962 [Act 781]. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

**AKTA REDEMPTORIST FATHERS
(PEMERBADANAN) 1962**

Disemak sehingga 1 September 2016

Tarikh penyiaran dalam
Warta bagi edisi
semakan ini 15 September 2016

Tarikh yang ditetapkan
untuk mula
berkuatkuasanya edisi
semakan ini menurut
perenggan 6(1)(xxiii)
Akta Penyemakan
Undang-Undang 1968
[*Akta 1*] 15 September 2016

Pertama kali diperbuat dalam tahun 1962 sebagai
Akta Parlimen No. 16 tahun 1962

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 781****AKTA REDEMPTORIST FATHERS (PEMERBADANAN) 1962**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Perbadanan *Titular Superior of the Redemptorist Fathers in the Federation of Malaya* dan kuasa Perbadanan
4. Meterai perbadanan
5. Pemberitahuan pelantikan *Titular Superior*
6. Peletakhakan harta
7. Pembayaran hutang dan liabiliti

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 781

AKTA REDEMPTORIST FATHERS (PEMERBADANAN) 1962

Suatu Akta untuk memperbadankan *Titular Superior of the Redemptorist Fathers in the Federation of Malaya*.

[9 Jun 1962]

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta *Redemptorist Fathers* (Pemerbadanan) 1962.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Perbadanan” ertinya badan yang diperbadankan di bawah nama “*Titular Superior of the Redemptorist Fathers in the Federation of Malaya*” oleh Akta ini.

Pemerbadanan *Titular Superior of the Redemptorist Fathers in the Federation of Malaya* dan kuasa Perbadanan

3. (1) Reverend Father Gregory Dobson, *Titular Superior of the Redemptorist Fathers* di Semenanjung Malaysia dan pengganti dalam jawatannya pada masa itu hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “*Titular Superior of the Redemptorist*

Fathers in the Federation of Malaya” dan adalah kekal turun-temurun.

(2) Perbadanan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya dan melakukan segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkenaan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan.

(3) Perbadanan boleh—

- (a) membuat kontrak;
- (b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati tiap-tiap perihalan harta alih dan harta tak alih; dan
- (c) memindahhakkan, memindahmilikkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik dan memulangkan, menggadaikan, menggadaikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih yang terletak hak pada Perbadanan,

atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

Meterai perbadanan

4. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang boleh dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

(2) Tiada surat ikatan, dokumen atau surat cara lain yang dimeteraikan dengan meterai Perbadanan boleh disifatkan dimeteraikan dengan sewajarnya melainkan jika—

- (a) meterai itu telah dicapkan di hadapan Reverend Father Gregory Dobson atau pengganti dalam jawatannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau wakil salah seorang daripada mereka, yang diberi kuasa dengan sewajarnya melalui suatu surat kuasa wakil yang didaftarkan di bawah Akta Surat Kuasa Wakil 1949 [*Akta 424*]; dan

- (b) surat ikatan, dokumen atau surat cara lain itu ditandatangani oleh Reverend Father Gregory Dobson atau penggantinya atau oleh wakil salah seorang daripada mereka.

(3) Penandatanganan surat ikatan, dokumen atau surat cara lain itu hendaklah menjadi keterangan yang mencukupi mengenai pemeteraian yang sewajarnya surat ikatan, dokumen atau surat cara lain itu.

Pemberitahuan pelantikan *Titular Superior*

5. Suatu pemberitahuan dalam *Warta* mengenai pelantikan mana-mana orang untuk memegang, atau bertindak dalam, jawatan Perbadanan hendaklah menjadi keterangan muktamad bahawa orang itu telah dilantik sedemikian dengan sewajarnya.

Peletakhakan harta

6. (1) Apabila Akta ini mula berkuat kuasa, semua harta yang dipunyai oleh *Titular Superior of the Redemptorist Fathers in the Federation of Malaya*, sama ada dipegang atas nama *Titular Superior* atau atas nama mana-mana orang yang dipegang sebagai amanah baginya, hendaklah terletak hak pada Perbadanan.

(2) Harta yang disebut dalam subseksyen (1) bersama dengan semua harta yang diperoleh kemudian alih atau tak alih, semua yuran, caruman, derma, denda, amaun pinjaman dan pendahuluan yang diterima atau akan diterima hendaklah dipegang oleh Perbadanan bagi maksud Akta ini dan tertakluk pada kaedah-kaedah Perbadanan pada masa itu.

Pembayaran hutang dan liabiliti

7. (1) Semua hutang dan liabiliti *Titular Superior of the Redemptorist Fathers* yang sedia ada pada masa permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah dibayar oleh Perbadanan.

(2) Semua hutang yang kena dibayar dan yuran dan caruman yang kena dibayar kepada *Titular Superior* hendaklah dibayar kepada Perbadanan bagi maksud Akta ini.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 781****AKTA REDEMPTORIST FATHERS (PEMERBADANAN) 1962**

(Disemak — 2016)

*Butir-butir di bawah perenggan 7(ii) dan (iii) Akta
Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1]*

SENARAI PINDAANUndang-undang
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa dari

– TIADA –

**SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA YANG
DIGANTI**

No.

Tajuk

Akta No. 16 tahun 1962

Akta *Redemptorist Fathers* (Pemerbadanan) 1962

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 781

AKTA REDEMPTORIST FATHERS (PEMERBADANAN) 1962

(Disemak—2016)

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa dari

— TIADA —

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 781

AKTA REDEMPTORIST FATHERS (PEMERBADANAN) 1962

(Disemak – 2016)

SENARAI PINDAAN YANG DIBUAT OLEH PESURUHJAYA PENYEMAK
UNDANG-UNDANG DI BAWAH SEKSYEN 6 AKTA PENYEMAKAN
UNDANG-UNDANG 1968 [AKTA 1]

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
Susunan kandungan	Susunan kandungan di bawah tajuk “ARRANGEMENT OF SECTIONS” dimasukkan	perenggan 6(1)(vii)
Keseluruhan Akta	1. Nota bahu menggantikan nota birai	perenggan 6(1)(iii) dan (xxiv)
	2. Noktah pada akhir nota bahu ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
Tajuk Akta	Koma selepas perkataan “Act” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
Tarikh kuat kuasa	Perkataan “9 June 1962” menggantikan “9th June, 1962.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxiv)
Ayat mengundang-undangkan	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(f)
seksyen 1	Koma selepas perkataan “Act” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
seksyen 2	1. Koma dimasukkan selepas perkataan “Act”	perenggan 6(1)(xvi)
	2. Dalam tafsiran “the Corporation”— a. perkataan “the” sebelum perkataan “Corporation” ditinggalkan	perenggan 6(1)(iii) dan (xxi)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
	b. perkataan “the provisions of” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
seksyen 3	Dinomborkan semula dan dibahagikan kepada subseksyen (1), (2) dan (3) dengan perubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii), (xiii), (xvi), (xvii) dan (xxiv)
seksyen 4	Dalam nota bahu, perkataan “ Common seal ” menggantikan “ Use of corporate seal ”	perenggan 6(1)(iii)
subseksyen 4(1)	1. Perkataan “which” menggantikan “, and such seal”	perenggan 6(1)(xxi)
	2. Perkataan “from time to time” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	3. Perkataan “to” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	4. Perkataan “thinks” menggantikan “seems”	perenggan 6(1)(iii)
perenggan 4(2)(a)	1. Perkataan “the” menggantikan “such” sebelum perkataan “seal”	perenggan 6(1)(iii)
	2. Perkataan “Act” menggantikan “Ordinance”	perenggan 6(1)(xix)
	3. Perkataan “[Act 424]” dimasukkan selepas perkataan “1949”	perenggan 6(1)(iii)
perenggan 4(2)(b)	1. Perkataan “the” menggantikan “such” sebelum perkataan “deed”	perenggan 6(1)(iii)
	2. Perkataan “the said” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
subseksyen 4(3)	1. Perkataan “The” menggantikan “Such”	perenggan 6(1)(iii)
	2. Perkataan “of the deed, document or other instrument” dimasukkan selepas perkataan “signing”	perenggan 6(1)(xxiv)
	3. Perkataan “taken as” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
seksyen 5	1. Dalam nota bahu, perkataan “ Notification of appointment of Titular Superior ” menggantikan “ Appointment ”	perenggan 6(1)(iii)
	2. Perkataan “the” dimasukkan sebelum perkataan “Titular Superior”	perenggan 6(1)(iii)
	3. Perkataan “Corporation” menggantikan “Titular Superior of the Redemptorist Fathers on the Federation of Malaya”	

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
seksyen 6	Dibahagikan kepada subseksyen 6(1) dan (2) dengan pengubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii), (xiii), (xvi) dan (xxiv)
seksyen 7	Dinomborkan semula dan dibahagikan kepada subseksyen (1) dan (2) dengan pengubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xiii), (xvi) dan (xxiv)
seksyen 8	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(aa) dan perenggan (xxb)
Tarikh Perkenan Diraja	Ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxiv)